

08 OCT 2003

Mahathir-Asean

DR MAHATHIR BERKATA PEMERGIANNYA TIDAK AKAN MENJEJASKAN ASEAN

Oleh: Openg Onn dan Salbiah Said

NUSA DUA (Bali), 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean merupakan satu keputusan bersama, dan persaraannya sebagai Perdana Menteri tidak akan menjejaskan pertubuhan serantau itu.

"Saya berpendapat Asean akan terus maju sama ada saya ada atau tidak. Saya tidak fikir ia akan membawa perbezaan langsung," katanya pada satu persidangan media sebelum berlepas pulang selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke sembilan, yang berakhir di sini hari ini.

Asean, katanya, mengamalkan pendekatan bersama, dan perkumpulan itu telah menetapkan matlamatnya dan tahu mengenai hala tuju mereka.

"Mereka akan mencapai kemajuan sama ada mereka bertukar pemimpin atau tidak. Mereka telah menyaksikan banyak perubahan dalam kepimpinan dalam Asean dan ia tidak menjejaskan dasar atau kemajuan Asean," kata Dr Mahathir yang akan bersara akhir bulan ini.

Dr Mahathir yang turut ditanya tentang perasaannya melepaskan jawatan selepas berada di tampuk kepimpinan selama 22 tahun, berkata: "Saya berusia 78 tahun, saya fikir saya sudah patut bersara dan memberi peluang kepada orang lain untuk melakukan yang lebih baik."

Katanya beliau percaya terhadap pepatah "jangan sampai orang jemu." "Ia merupakan pepatah yang baik untuk diikuti. Jadi saya cuba ikut."

Perdana Menteri berkata ibunya yang mempunyai pengaruh amat kuat terhadap beliau, telah mengajar bahawa: "Bila makanan yang dinikmati tengah sedap, itulah masanya saya patut berhenti. Jika tidak saya akan terlebih makan."

Petua itulah yang dijadikannya panduan dalam mentadbir negara, kata Dr Mahathir.

"Jadi hari ini saya tiada masalah. Tetapi bukan hendak kata tiada masalah tetapi kurang masalah di Malaysia sekarang. Semuanya dalam keadaan baik, ia adalah masa yang sesuai untuk beredar. Kita tak kan baru hendak pergi bila orang menghalau kita."

Ditanya oleh seorang wartawan Jepun mengenai apa yang beliau akan lakukan selepas persaraannya, Dr Mahathir berkata beliau akan terus berhubung mesra dengan Jepun.

"Sekali sekala saya akan melawat Jepun, bercuti di sana... melihat Sakura...Jepun yang amat indah. Ada orang Jepun yang berminat mendengar saya mengata negara lain. Saya akan lakukannya," katanya disambut ketawa mereka yang hadir.

Mengenai China, Perdana Menteri berkata sebagai sebuah gergasi ekonomi yang membesar, republik itu akan memainkan peranan amat penting dalam Asia Timur dan malahan di peringkat global, negara itu memainkan peranan utama sebagai sebuah kuasa ekonomi.

"Adalah jelas ia akan menjadi kaya," katanya.

Ditanya mengenai kebimbangan bahawa China akan muncul sebagai kuasa pertahanan untuk menyaingi Amerika Syarikat, beliau berkata walaupun China membelanjakan sedikit daripada pendapatannya terhadap pertahanan, ia akan menjadi agak besar.

"Semua negara membelanjakan sejumlah wang untuk pertahanan mereka. Saya masih ingat syarat yang dikenakan terhadap Jepun. Ia mungkin tidak membelanjakan lebih daripada satu peratus Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) terhadap pertahanan, tetapi KDNKnya ketika itu amat kecil. Ketika itu ialah pada 1945," katanya.

"Satu peratus adalah terlalu kecil. Hari ini KDNK Jepun amat besar, satu peratus adalah lebih besar daripada kebanyakan negara Eropah berbelanja terhadap pertahanan mereka. Keupayaan Jepun terhadap bidang pertahanan adalah tinggi sekarang," katanya.

Dalam hal China, walaupun ia mengehendkan perbelanjaan terhadap pertahanan, ia akan menjadi besar.

Beliau merasakan bahawa bahawa tidak patut wujud perasaan bimbang terhadap China kerana ia tidak mempunyai sejarah menjajah negara lain.

Malaysia, katanya, sememangnya tinggal berdekatan dengan China sama juga dengan negara Asean lain.

"Kita tidak pernah ditakluki atau dijajah oleh China. Kita pernah dijajah, tetapi oleh negara-negara yang 800,000 batu jaraknya daripada kita.

"Jadi kita tidak harus berpendapat ia sebagai satu ancaman tetapi satu peluang. Fikirkan berapa banyak barang yang boleh kita hantar ke negara China yang kaya. Amerika pastinya boleh mengeksport lebih banyak barangan ke China sekarang berbanding semasa ia bukan merupakan sebuah ekonomi terbuka," kata Dr Mahathir.

Mengenai China dan India yang hari ini menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) dengan Asean, beliau berkata ia akan membawa kemakmuran dan mewujudkan pasaran yang lebih besar bagi rantau ini.

Perdagangan Asean akan tumbuh dengan pesatnya memandangkan China dan India menyediakan pasaran dengan penyatuan penduduk mereka seramai 2.4 bilion orang.

"Kita percaya dengan usaha memakmurkan jiran. Ini merupakan konsep yang diterima oleh China dan India," katanya sambil menegaskan bahawa dengan penambahan mereka kepada perjanjian itu tidak akan memberi kesan kepada dasar luar Asean, kerana "kita sependapat dalam kebanyakan isu."

Ditanya mengenai kedudukan Australia di rantau ini, Dr Mahathir berkata ia telah menghebahkan kepada dunia bahawa ia mahu menjadi timbalan sheriff untuk mengawasi rantau ini.

"Adalah amat sukar untuk berbaik dengan timbalan sheriff ini yang sentiasa memerhatikan kita.

"Australia harus memutuskan sama ada ia sebuah negara Eropah, Amerika atau Asia. Jika ia sebuah negara Asia tidak ada masalah, tetapi kita melihat Australia seperti satu transplan dari rantau lain," katanya.

"Australia bukannya Asia, tetapi pada hujung bulan ini, saya tidak ada di sini lagi, orang mungkin menukar fikiran mereka, saya tidak tahu.

"Orang Australia juga membezakan rakyat Asia mengikut bangsa. Kita menganggap diri kita orang Asia, tetapi mereka tidak dapat menganggap diri mereka orang Asia. Jika mereka tidak memikirkan mengenai bangsa, maka mereka boleh kata 'saya orang Asia' apa salahnya untuk mengatakan demikian dan berkelakuan seperti orang Asia dan tidak terlalu kritikal mengenai orang lain," katanya.

Mengenai hasrat Singapura untuk melihat pelaksanaan yang lebih cepat pasaran tunggal Asean atau Komuniti Ekonomi Asean (AEC), beliau berkata: "Mereka mahu bergerak lebih cepat dan kita tidak menghalang mereka."

Singapura dengan sendirinya boleh mempercepatkan pakatan perdagangan dua hala mereka.

Mengenai cadangan Singapura supaya Asean melaksanakan dasar langit terbuka bagi pengangkutan, beliau berkata ia suatu perkara baru.

"Kita perlu meneliti sama ada kita akan mendapat manfaat daripadanya atau tidak. Singapura merupakan sebuah pelabuhan bebas. Ia sememangnya merupakan sebuah negara bebas cukai. Kita bukannya sebuah negara bebas cukai. Kita perlu menjadikan diri kita sebuah negara bebas cukai. Tetapi Singapura adalah satu. Kecuali ia menawarkan untuk membayar orang bagi mengimport barangan ke dalam Singapura.

Mengenai masalah dua hala dengan Singapura, beliau berkata: "Ia suatu yang kami boleh selesaikan sesama kami. Ia mengambil masa tetapi kami boleh menyelesaikannya."

-- BERNAMA

SS OPP HS RON